KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

JAWATANKUASA KOMPETENSI RUANG TERKURUNG
LEMBAGA PEPERIKSAAN

FORMAT PEPERIKSAAN *AUTHORISED GAS TESTER AND ENTRY SUPERVISOR (AGTES) & AUTHORISED GAS TESTER AND ENTRY SUPERVISOR – REFRESHER (AGTES-R)*

1. Objektif

1.1. Peperiksaan ini diadakan untuk menguji tahap kelayakan/ kompetensi calon yang bertanggungjawab terhadap aktiviti kerja di ruang terkurung seperti mana yang dinyatakan dalam Tata amalan Industri Bekerja Selamat di dalam Ruang Terkurung 2010.

2. Syarat Kemasukan

2.1. Warganegara Malaysia; **DAN**

2.2. Boleh berkomunikasi secara lisan dan menulis dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris; **DAN**

2.3. Telah lulus penilaian Authorised Entrant and Standby Person yang dikendalikan oleh NIOSH sahaja **DAN** kad AESP masih sah laku ; **DAN**

2.4. Telah menghadiri kursus Authorised Gas Tester and Entry Supervisor yang dikendalikan oleh NIOSH sahaja.

3. Format Peperiksaan

Peperiksaan ini terbahagi kepada 2 kertas peperiksaan.

4. Bahasa

Kesemua soalan adalah dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.

5. Skema Markah Peperiksaan Penguji Gas Bertauliah Dan Penyelia Kemasukan Bagi Ruang Terkurung (AGTES)

Skema markah bagi peperiksaan ini ditunjukkan seperti jadual di bawah:

Kertas	Bahagian	Format	Jumlah Soalan	Pemberat	Markah Lulus	Masa (Minit)	Yuran
1	A	Objektif	10	40%	70%	15	RM150
	B	Struktur	4	60%		45	
2		Praktikal: • Penyediaan Dokumen Confined Space Risk Assessment (CSRA) dan PTW • Pengujian dan penggunaan Alat Penguji Gas dan Self-*Contained Breathing Apparatus (SCBA)* • Peranan dan tanggungjawab AGTES	13	100%	70% DAN 5 soalan wajib lulus	40	RM350
						JUMLAH YURAN	**RM500**

6. Peperiksaan Ulangan AGTES

Calon diberi peluang untuk mengulang kertas yang gagal **maksima EMPAT (4) kali sahaja dalam tempoh DUA (2) tahun.**

7. Sijil Kelayakan

Sijil Kelayakan akan diberikan kepada calon yang lulus peperiksaan ini.

8. Pembaharuan Sijil Kelayakan

8.1. Pembaharuan **Sijil Kelayakan** perlu dibuat setiap 2 tahun. Bagi memperbaharui **Sijil Kelayakan** ini, calon dikehendaki menghadiri kursus AGTES-R dan LULUS penilaiannya yang dikendalikan oleh NIOSH dan pusat pengajar yang berdaftar dengan JKKP dan masih sah tempoh pendaftarannya sahaja.

8.2. Calon yang tidak mendaftar sebagai Orang Yang Kompeten (OYK) AGTES dengan JKKP tidak boleh mengambil peperiksaan AGTES-R.

8.3. Had tempoh dua (2) tahun diberikan kepada calon untuk mengambil peperiksaan AGTES-R **selepas tamat tempoh kelayakan AGTES**. Jika tidak membuat pembaharuan AGTES-R dalam tempoh ditetapkan, calon perlu mengambil semula kursus AGTES.

9. Skema Markah Peperiksaan Latihan Semula Penguji Gas Bertauliah Dan Penyelia Kemasukan Bagi Ruang Terkurung (AGTES-R)

Skema markah bagi peperiksaan ini ditunjukkan seperti jadual di bawah:

Kertas	Bahagian	Format	Jumlah Soalan	Pemberat	Markah Lulus	Masa (Minit)	Yuran
1	A	Objektif	10	40%	70%	15	RM150
	B	Struktur	4	60%		45	
2	A	Pengujian dan penggunaan Alat Pengujian Gas	8	100%	70% DAN 3 soalan wajib lulus	10	RM100
	B	Pengujian dan Pemakaian Self *Contained Breathing Apparatus*	20	100%	70%	10	RM100
						JUMLAH YURAN	**RM350**

* Calon yang gagal Kertas 2 perlu mengulang mana-mana Bahagian yang gagal sahaja (Bahagian A atau Bahagian B).

10. Peperiksaan Ulangan AGTES-R

Calon diberi peluang untuk mengulang kertas yang gagal **maksima EMPAT (4) kali sahaja dalam tempoh DUA (2) tahun.**